

BAB PERTAMA

BAB PERTAMA

KONSEP KEGANASAN RUMAHTANGGA

Pendahuluan

Perbincangan berkenaan tajuk ini adalah untuk melihat apakah yang dimaksudkan dengan keganasan rumahtangga dari beberapa sudut. Bahagian pertama membincangkan mengenai definisi keganasan dan keganasan rumahtangga dari sudut bahasa, undang-undang dan pendapat-pendapat pengkaji dalam bidang sosiologi.

Bahagian kedua menerangkan jenis keganasan rumahtangga. Bahagian ketiga adalah berkenaan sejarah bermulanya keganasan di kalangan manusia dan seterusnya sehingga ia dibincangkan dan dikaji sehingga sekarang. Bahagian keempat menyenaraikan faktor-faktor keganasan rumahtangga dan kemudian kesannya pada bahagian kelima.

1.1 Definisi Keganasan Rumahtangga

Menurut Kamus Dewan, keganasan bermaksud perihal ganas, kebuasan dan kegarangan¹. Manakala perkataan ganas pula mempunyai dua maksud hampir

¹ Teuku Iskandar et.al. (1989), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 337. Juga: Zainal Abidin Safarwan (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, h. 493.

sama tetapi digunakan dalam dua konteks berbeza iaitu suka merosakkan (harta benda dan sebagainya), berkenaan orang dan liar serta suka menyerang, berkenaan binatang². Kedua-dua pengertian ini menunjukkan maksud akibat perbuatan ganas itu secara fizikal.

Begitu juga dalam *The Oxford English Dictionary* mendefinisikan *violence* atau keganasan sebagai perbuatan ganas secara fizikal yang menyebabkan kecederaan tubuh badan atau harta benda atau mengganggu kebebasan individu secara paksa. Ia termasuk perkara yang menyentuh perasaan disebabkan perbuatan atau kata-kata³. Skop definisi ini lebih luas berbanding definisi pertama kerana ia mentafsirkan maksud keganasan bukan sahaja keganasan fizikal, tetapi termasuk dalam bentuk hak dan kata-kata.

Dalam bahasa Arab pula, terdapat dua perkataan yang mengandungi maksud keganasan iaitu *al-darar* dan *al-aza*. Kedua-dua perkataan ini digunakan untuk menggambarkan keadaan tidak elok dan dibenci⁴. Ia biasanya merujuk kepada tindakan dalam bentuk perbuatan fizikal.

Manakala dalam *Lisān al-'Arab*, *al-darar* bermaksud perkara tidak bermanfaat dan berkait dengan perbuatan seseorang⁵. Perkataan *al-aza* pula

² ibid., h. 336.

³ J.A. Simson, et.al. (1989), *The Oxford English Dictionary*. Oxford: Clarendon Press, h. 654-655.

⁴ T.P., (1985), *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*, Kuwait: Wizārah al-Awqāf, h. 355-356.

⁵ Abū al-Fadhl Jamāluddin Muhammad Ibnu Manzūr (t.t.), *Lisān al-'Arab*, j. 4. Beirut: Dār Sādir, h. 482.

bermaksud perkara-perkara yang menyakitkan dan memudaratkan⁶. Perbezaan *al-aza* dan *al-darar* ialah pada tahap kemudaratannya masing-masing. Kemudaratannya *al-aza* adalah lebih ringan berbanding kemudaratannya *al-darar* yang lebih berat. Contoh untuk membandingkan *al-aza* dan *al-darar* samalah seperti membandingkan dosa besar dan dosa kecil. Kedua-duanya adalah dosa, tetapi pada dua tahap yang berlainan iaitu ringan dan berat. Kesimpulannya, kedua-dua perkataan ini (*al-aza* dan *al-darar*) menunjukkan maksud perkara mudarat berkenaan perbuatan yang tidak menyenangkan dan tidak disukai oleh kebanyakan manusia.

Tambahan lagi, melakukan perbuatan *al-aza* hukumnya haram, sebagaimana dapat dilihat dalam perbincangan para fuqaha' mengenai haji dan jihad⁷. Misalnya dalam bab haji, antara tatasusila perjalanan ialah membuat perjalanan pada waktu malam dan bertimbang rasa terhadap binatang yang menjadi kenderaan tunggangan, di mana binatang tidak boleh disakiti (*al-aza*) dengan berjalan pada waktu panas terik atau meletakkan beban lebih daripada kemampuannya⁸.

Daripada beberapa maksud keganasan menurut bahasa yang dikemukakan, secara umumnya definisi 'keganasan' dalam bahasa Arab adalah paling luas dan boleh dianggap merangkumi semua aspek. Perkara tidak elok dan dibenci oleh manusia adalah berbentuk umum yang boleh membawa maksud keganasan fizikal, mental, seksual dan pengabaian walaupun tidak dijelaskan secara terperinci.

⁶ ibid., j. 14, h. 27.

⁷ T.P.,(1985), *Al-Mawsū `ah al-Fiqhiyyah*, op.cit., h. 356.

⁸ Wahbah al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmi wa adillatuhu*, j. 3. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 350.

Definisi daripada *The Oxford English Dictionary* adalah lebih khusus kerana menyebutkan beberapa aspek keganasan secara terperinci seperti fizikal, harta dan emosi. Manakala maksud *Kamus Dewan* hanya menekankan aspek penderaan yang mempunyai kesan fizikal sahaja.

Secara istilahnya, keganasan atau *violence* merangkumi maksud yang luas. Menurut Norman Tutt, keganasan boleh didefinisikan sebagai suatu tabiat (*behaviour*) yang mengakibatkan kecederaan terhadap satu pihak lain⁹. Dua perkara utama yang terdapat dalam definisi ini ialah perbuatan yang dilakukan adalah bersifat tabiat, bererti sesuatu yang sentiasa dilakukan, berterusan dan bukan jarang-jarang. Satu perkara lagi ialah ia mengakibatkan kecederaan yang boleh ditafsirkan sebagai kecederaan secara fizikal atau sebaliknya.

Selain daripada perkataan “keganasan”, perkataan-perkataan lain yang sering digunakan di bawah topik ini ialah “penderaan” dan “penganiayaan”. Kedua-dua perkataan ini juga mempunyai beberapa pengertian yang menunjukkan ianya adalah perbuatan menyakitkan mangsa melibatkan fizikal, emosi dan harta benda oleh satu pihak¹⁰.

Manakala perkataan rumah tangga menurut *Kamus Dewan* bermaksud perihal rumah dan kehidupan dalam rumah atau rumah dengan keluarga yang

⁹ Norman Tutt,(ed.) (1980), *Violence*. c.2. London: Department of Health and Social Security, h. 16.

¹⁰ Teuku Iskandar et. al. (1989), op.cit., h. 33 dan 232, juga: Zainal Abidin Safarwan (1995), op.cit., h. 72 dan 427.

mendiaminya¹¹. Dalam penulisan ini, rumahtangga yang dimaksudkan ialah rumah dengan keluarga yang mendiaminya.

Melihat ‘keganasan rumahtangga’ sebagai satu istilah pula, ia adalah gabungan dua perkara iaitu perbuatan dan tempat serta pertalian antara mangsa dan pelaku. Maksudnya perbuatan ganas yang berlaku terhad di dalam lingkungan tertentu iaitu keluarga atau rumahtangga. Contohnya perbuatan dera oleh suami terhadap isteri atau sebaliknya, atau melibatkan mana-mana ahli keluarga lain atau mereka yang dianggap sebagai ahli keluarga dan tinggal bersama.

Perbuatan dera merangkumi semua perbuatan serangan, gangguan, pencerobohan seksual dan perbuatan-perbuatan anaya lain sama ada dari segi mental atau fizikal.

Namun begitu, sepertimana memberikan satu maksud yang tepat dan *standard* kepada istilah keluarga, keganasan rumahtangga juga sukar didefinisikan dengan tepat¹².

Dalam perbincangan mengenai istilah keganasan secara umum, terdapat pula istilah *legitimate violence (keganasan halal)* dan *illegitimate violence (keganasan tidak halal)*. Norman Tutt menyatakan bahawa untuk meletakkan garis

¹¹ Teuku Iskandar et.al. (1989), op.cit., h.1081.

¹² Harvey Wallace (1996), *Family Violence: Legal, Medical and Social Perspectives*. Boston: Allyn & Bacon, h. 2.

pemisah antara dua bentuk keganasan tadi bukan sahaja bergantung kepada sejauh mana kesan kerosakan terhadap mangsa tetapi dalam keadaan mana ia dilakukan. Misalnya tumbukan ke muka biasanya ditafsirkan sebagai satu perbuatan ganas. Kesan kerosakan terhadap mangsa ialah lebam. Namun, jika ianya dilakukan dalam gelanggang gusti, ia telah diterima sebagai ‘halal’ (*legitimate*). Maksudnya tumbukan itu bukan satu bentuk keganasan, tetapi aktiviti sukan¹³.

Walau bagaimanapun, tumbukan seorang lelaki ke atas isterinya di rumah adalah satu perbuatan ganas. Bentuk keganasan begini adalah contoh *illegitimate violence*. Ini kerana, walaupun kesan kerosakannya adalah sama dengan yang berlaku di gelanggang gusti iaitu lebam tetapi ia dilakukan oleh orang yang ada pertalian dalam rumah tangga.

Nampaknya fahaman keganasan dari segi istilah ada kaitan dengan penerimaan sesuatu perbuatan oleh sesebuah masyarakat. Walaupun keganasan sering dikaitkan dengan perbuatan seperti tumbuk, sepak dan tampar, tetapi tidak dalam semua keadaan ia dianggap bermaksud ganas¹⁴ sebagaimana dalam kes sukan gusti.

Maksudnya, dalam hal ini, masyarakat boleh menerima perbuatan tumbuk dalam sukan gusti sebagai perkara biasa walaupun pada hakikatnya ia adalah sama dengan perbuatan ganas lain. Ini kerana, ia telah menjadi suatu norma di mana

¹³ Norman Tutt (1980), op.cit., h. 16

¹⁴ ibid.

walaupun sesuatu peraturan itu tidak secara rasmi, tetapi ia sama-sama diterima, difahami dan diamalkan oleh setiap orang dalam masyarakat¹⁵. Oleh itu, budaya dan fahaman masyarakat turut menjadi garis penentu sesuatu perbuatan diterima sebagai keganasan atau tidak.

Terdapat banyak penerangan tentang istilah keganasan rumahtangga, antaranya berdasarkan kajian ahli-ahli sosiologi. Meninjau pendapat Wallace¹⁶, seorang yang banyak menulis tentang sosiologi keluarga, keganasan dalam keluarga ialah melakukan atau mengabaikan sesuatu perbuatan secara mental atau fizikal oleh seorang ahli keluarga terhadap ahli keluarga yang lain dan mengakibatkan mangsa merasa sakit. Termasuk juga dalam maksud keganasan ialah menyekat hak asasi seseorang¹⁷.

Begitu juga Jaafar Abdul Wahid yang menyebutkan bahawa perbuatan dera dalam keganasan rumahtangga merangkumi semua perbuatan serangan, gangguan, pencerobohan seksual dan lain-lain perbuatan aninya sama ada dari segi mental atau fizikal¹⁸.

¹⁵ Arnold Bvenbaum dan Edward Sagarin (1976), *Norms and Human Behaviour*. New York: Praeger Publishers, h. 25.

¹⁶ Harvey Wallace (1996), op.cit.

¹⁷ Arnold Bvenbaum dan Edward Sagarin (1976) op.cit.

¹⁸ Jaafar Abdul Wahid (1997), "Pembangunan Akhlak dan Sosial-Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia" (Kertas kerja Seminar Pemantapan Akhlak dan Moral di Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 15-16 November 1997), h. 21.

Walker¹⁹ pula menyenaraikan beberapa bentuk perbuatan yang dianggap sebagai keganasan apabila ia menjadi tabiat dalam sesebuah rumah tangga:

1.terlalu mengongkong atau cemburu.

2.gangguan lisani secara melampau, selalu mengkritik dan membuat penilaian negatif.

3.menyekat pasangan daripada melakukan sesuatu aktiviti.

4.gangguan berbentuk seksual semasa di dalam perkahwinan atau diluarinya.

5.melakukan serangan fizikal sama ada melibatkan kecederaan atau tidak.

Namun, Walker tidak menyebutkan pengabaian seperti yang disebutkan oleh Wallace. Jaafar pula walaupun tidak menyebut pengabaian secara langsung tetapi mungkin mempunyai maksud tersebut daripada kata-kata “dan lain-lain perbuatan aniaaya”.

Bagi Muhammad ‘Uqlah²⁰ dan al-Syazili²¹, maksud keganasan ialah perbuatan pasangan yang melibatkan kesakitan fizikal, perkataan, paksaan melakukan sesuatu maksiat, pengabaian atau apa-apa perbuatan mendera yang menyebabkan mangsa tidak selesa berada bersama pasangannya.

¹⁹ Lenore E. Walker (1984), *The Battered Woman Syndrome*. New York: Springer Publishing Company, h. 203.

²⁰ Muhammad ‘Uqlah, (1990), *Nizām al-Usrah fī al-Islām*, j. 3. Amman: Maktabah al-Risālah al-Hadithah, h. 219.

²¹, Muhammad Nabil Sa‘ad Al-Syāzilī (1989), *Aḥkām al-Usrah fī al-Fiqh al-Islāmi*. Kaherah: Dār al-Nahḍah al-Arabiyyah, h. 289.

Tafsiran yang dikemukakan ini boleh merangkumi semua bentuk keganasan yang ada dengan memperluaskan skop orang yang terlibat tidak hanya terikat kepada pasangan suami isteri sahaja.

Berlainan pula dengan definisi keganasan rumahtangga oleh Gelles dan Straus yang menyebutkan perlunya ada niat menyebabkan kecederaan fizikal terhadap mangsa. Mereka berpendapat demikian dalam keadaan keganasan yang berlaku adalah menjadi kes jenayah²².

Menurut Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) pula, keganasan rumahtangga ialah juga berkenaan ‘kawalan’ (*control*). Misalnya seorang yang memaksa seorang lain melakukan apa yang dia (yang memaksa) suka. Ia bukan sekadar memukul dan menampar, sebagaimana yang diketahui oleh kebanyakan orang. Ia adalah satu bentuk penderaan sistematik yang boleh berlaku secara fizikal atau psikologi juga sosial, seperti memisahkan seseorang daripada berhubung dengan keluarga atau kawan-kawan. Keganasan rumahtangga biasanya menunjukkan satu siri tabiat untuk menunjukkan kuasa kawalan dan untuk mempertahankan dan meneruskan kuasa²³.

Secara keseluruhannya, keganasan rumahtangga ialah sebarang perbuatan atau pengabaian sengaja yang mendatangkan kesan negatif oleh seorang ahli

²² Richard J. Gelles, dan Murray A. Straus (1979), “Determinants of Violence in Family” dalam W.R. Burr et.al., *Contemporary Theories About The Family*. New York: Free Press, h. 89.

²³ WAO Annual Review 1997, h. 18.

keluarga terhadap fizikal, emosi, seksual, harta benda seorang yang lain dalam keluarga tersebut.

1.2 Pembahagian Jenis Penganiayaan

Pengkaji-pengkaji²⁴ telah membahagikan penganiayaan kepada beberapa jenis, iaitu:

1. Penganiayaan terhadap pasangan
2. Penganiayaan terhadap kanak-kanak
3. Penganiayaan terhadap orang tua
4. Penganiayaan sesama adik beradik

Pembahagian ini sesuai dengan konsep keluarga yang terdiri daripada individu-individu yang mempunyai hubungan sama ada dengan sebab pertalian darah, perkahwinan atau pengangkatan. Mereka juga saling memerlukan dari segi ekonomi, menjalankan peranan masing-masing sebagai ibu, bapa, suami, isteri dan anak, serta, dalam keadaan biasa tinggal bersama²⁵.

²⁴ Sharon D. Herzberger (1996), *Violence Within The Family: Social Psychological Perspectives*. USA:Brown and Benchmak's, h. 9-15. Suzanne K. Steinmetz .(1987), "Family Violence: Present, Past and Future" dalam *Handbook of Marriage and The Family*. New York: Plenum Press, h. 725. Rudi Dallos dan Eugene Mc Laughlin (ed.)(1993). *Social Problems and The Family*. London: Sage Publications, h. 11-15. Harvey Wallace, (1996), *Family Violence*. Boston: Allyn and Bacon, h.2.

²⁵ Daniel E. Hebdig dan Leonard Glick (1992), *Introduction to Sociology: A Text With Readings*, ed.4. New York: Mc Graw-Hill Inc., h. 100. Juga: Nijole V.Benokraitis (1996), *Marriages and Families-Changes, Choices and Constrains*. New Jersey: Prentice Hall, h.3. John Munice et.al. (1995), *Understanding The Family*. London: Sage Publications, h.10.

Pelaku atau mangsa keganasan rumahtangga boleh terdiri daripada pasangan, anak, adik beradik dan saudara mala. Manakala jenis perbuatan ganas yang dilakukan ialah secara fizikal, mental atau emosi, seksual dan pengabaian.

1.2.1 Penganiayaan terhadap pasangan

Dalam konteks penganiayaan terhadap pasangan ianya terbahagi kepada dua bentuk iaitu sama ada dilakukan oleh suami terhadap isteri atau sebaliknya, atau oleh pasangan yang tinggal bersama tanpa ikatan perkahwinan²⁶. Di Malaysia hanya keganasan di antara suami isteri yang dianggap sebagai keganasan rumahtangga.

Berlainan dengan keganasan rumahtangga di Barat, di mana keganasan yang berlaku di kalangan pasangan yang tinggal bersama tanpa ikatan perkahwinan yang sah pun dianggap sebagai perkara *domestic* atau berlaku dalam rumahtangga. Keganasan terhadap pasangan boleh berlaku dalam bentuk fizikal, mental, seksual dan pengabaian.

Sebahagian penulis seperti Gelles²⁷, Dickinson dan Leming²⁸, dan Hutter²⁹ tidak memberikan maksud keganasan terhadap pasangan secara langsung seperti Wallace³⁰.

²⁶ Harvey Wallace (1996), op.cit., h. 21.

²⁷ Richard J. Gelles (1979), op.cit., h. 89.

Bagi Wallace³¹, penderaan pasangan ialah apa-apa perbuatan atau siri perbuatan sengaja yang mengakibatkan kecederaan(*injury*) terhadap pasangan. Perbuatan boleh berlaku dalam bentuk fizikal, emosi atau seksual. Termasuk dalam istilah ini juga mereka yang telah berkahwin, tinggal bersama atau berada dalam satu hubungan yang serius atau pasangan yang telah berpisah.

Pendapat Wallace³² ini menekankan kepada tiga perkara. Pertama, perbuatan tersebut dilakukan dengan sengaja, kedua, perbuatan tersebut mengakibatkan kecederaan secara fizikal, mental atau seksual dan ketiga ikatan pasangan berkenaan, sama ada mempunyai ikatan perkahwinan, atau tidak mempunyai ikatan perkahwinan tetapi tinggal bersama, atau telah menjalinkan hubungan yang serius, atau pasangan yang pernah berkahwin tetapi tinggal berasingan. Pendapat beliau terutamanya berkenaan pertalian pasangan agak luas dan kelihatan disesuaikan dengan keadaan masyarakat barat sekarang.

Freeman³³ pula berpendapat bahawa penganiayaan isteri adalah sesuatu yang sukar dan banyak bergantung kepada pemahaman individu. Beliau tidak menolak bahawa penganiayaan isteri termasuk serangan terhadap emosi. Walau

²⁸ G.E. Dickinson dan M.R. Leming (1990), *Understanding Families: Diversity, Continuity and Change*. Boston: Allyn and Bacon, h.380.

²⁹ Mark Hutter (1981), *The Changing Family: Comparative Perspectives*. New York: John Wiley and Sons, h.405-406.

³⁰ Harvey Wallace (1996) op.cit.

³¹ Harvey Wallace (1996),op.cit., h.164-165.

³² Ibid.

³³ Michael David Allan Freeman (1979), *Violence in The Home*. London : Saxon House, h. 127-128.

bagaimanapun, oleh kerana kajian yang dibuat memfokuskan penganiayaan berbentuk fizikal, beliau mendefinisikan penderaan terhadap isteri, ialah isteri atau pasangan yang tinggal bersama yang berterusan menderita atau mengalami serangan fizikal serius akibat perbuatan pasangannya.

Dalam hal ini juga, Walker³⁴ mengemukakan maksud "Sindrom Penganiayaan Wanita" yang menurutnya melibatkan seseorang wanita yang mengalami sekurang-kurangnya dua daripada perkara-perkara berikut, iaitu sebagai mangsa keganasan fizikal atau seksual atau psikologi yang serius oleh seorang lelaki yang mempunyai pertalian rapat dengannya. Pendapat ini mempunyai persamaan dengan pendapat Wallace³⁵ dan Freeman³⁶ dari segi bentuk perbuatan dan pertalian antara mangsa dan pelaku.

Menurut George Thorman³⁷, pada kebiasaannya, isteri atau pasangan perempuan paling banyak didera berbanding suami atau lelaki. Malah, menurut laporan *Federal Bureau of Investigation* di Amerika Syarikat, kes keganasan rumah tangga merupakan penyebab kecederaan paling utama terhadap wanita berumur 14 hingga 44 tahun, melebihi kes-kes kecederaan akibat kemalangan jalan raya, rompakan dan rogol yang digabungkan³⁸.

³⁴ L.E. Walker (1982), op.cit., h. 10.

³⁵ Harvey Wallace (1996), op.cit.

³⁶ Freeman (1979), op.cit.

³⁷ George Thorman (1980) , *Family Violence*. Springfield: Charles D.Thomas, h. 106-107.

³⁸ Uniform Crime Reports, Federal Bureau of Investigations, 1991, http://DV_FACTS.HTM, 17/11/98.

Keganasan terhadap isteri juga tidak terhad di kalangan status sosial tertentu sahaja, ia berlaku tanpa mengira kaya atau miskin, berpendidikan atau sebaliknya³⁹. Kajian *Massachusetts Coalition of Battered Women Service Group* menunjukkan bahawa lebih kurang satu pertiga lelaki yang diberi kaunseling melibatkan keganasan rumah tangga merupakan golongan profesional yang dihormati di tempat kerja dan di kalangan masyarakat. Mereka termasuk doktor, ahli psikologi, peguam, menteri dan eksekutif perniagaan⁴⁰.

Terdapat berbagai-bagai bentuk perbuatan ganas terhadap pasangan. Ia boleh berlaku dalam bentuk fizikal, mental, seksual dan pengabaian. Keganasan fizikal ialah melakukan serangan secara fizikal yang mengakibatkan kecederaan seperti lebam, patah, luka, calar dan melecur. Keganasan mental pula merupakan apa-apa perbuatan atau pengabaian yang menyebabkan kecelaruan fikiran dan tekanan perasaan kepada mangsa. Contohnya seperti terlalu mengongkong, mengkritik dan menghina pasangan secara melampau.

Malah, tidak bercakap dengan pasangan juga merupakan satu bentuk keganasan mental kerana ia mengakibatkan tekanan kepada mangsa⁴¹. Tidak dapat dinafikan juga, tekanan perasaan turut dialami oleh mangsa keganasan fizikal dan seksual secara tidak langsung.

³⁹ George Thorman (1980), *Family Violence*. Springfield: Charles D.Thomas, h. 106-107.

⁴⁰ For Shelter and Beyond, Massachusetts Coalition of Battered Women Service Groups, Boston, 1990, http://DV_FACTS.HTM, 17/11/98.

⁴¹ Norman Tutt (ed.) (1980), op.cit., h. 17.

Mengenai keganasan seksual, bentuk yang lazim berlaku ialah *marital rape* atau perkosaan perkahwinan⁴² dan perlakuan seks devian. *Marital rape* ialah persetubuhan pasangan suami isteri tanpa kerelaan atau secara paksa yang mana ia adalah sama dengan perkosaan jika pasangan tersebut tiada ikatan perkahwinan⁴³.

Patricia Lynn berpendapat *marital rape* ialah apa-apa aktiviti seksual oleh pasangan yang sah yang dilakukan atau menyebabkan ianya dilakukan tanpa keizinan pasangan yang satu lagi⁴⁴. Secara mudahnya, *marital rape* ialah hubungan seks suami isteri tanpa mendapat keizinan daripada isteri itu. Daripada pendapat ini, persoalan utama *marital rape* ialah keizinan. Perkara ini menjadi isu utama di Barat sehingga hubungan seks tanpa keizinan boleh didakwa sebagai melakukan kesalahan⁴⁵ keganasan seksual yang termasuk di dalam keganasan rumahtangga⁴⁶. Contohnya, pada tahun 1984, seorang lelaki di Miami, Amerika Syarikat, telah disabitkan kesalahan memperkosa isterinya dan telah dijatuhi hukuman penjara 14 tahun⁴⁷.

Manakala seks devian pula ialah perlakuan seksual disertai keganasan fizikal secara melampau. Ia juga dikenali sebagai *battering rape* yang mana ianya mengandungi elemen keganasan rumahtangga⁴⁸. Contohnya seorang lelaki suka

⁴² S.D.Herzberger (1996), op.cit., h. 15.

⁴³ Dickinson dan Leming (1990), op.cit., h. 397.

⁴⁴ Patricia Lynn Peacock (1995), "Marital Rape" dalam Wiehie, Vernon R. dan Ann L Richards, *Intimate Betrayal*. London: Sage Publications, h. 57.

⁴⁵ Mohd. Shahrizad Mohd Diah (1996), *The Legal and Social Issues of Wife Battering and Marital Rape in Malaysia*, Kuala Lumpur:Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 57.

⁴⁶ Rohana Ariffin (ed.) (1997), *Shame, Secrecy and Silence: Study on Rape in Penang*. Pulau Pinang: The Women's Crisis Centre, h. 55.

⁴⁷ New Straits Times, 3 September 1984.

⁴⁸ ibid., h. 57

merantai isterinya dengan rantai besi semasa melakukan hubungan seks. Akibat penyeksaan yang dilakukan kadang-kadang berakhir dengan kematian. Biasanya lelaki yang melakukan seks devian adalah orang yang menghidap penyakit mental kerana dalam keadaan biasa, dia adalah seorang yang penyayang dan bertanggungjawab⁴⁹.

Kesimpulannya, *marital rape* tidak diterima sebagai keganasan seksual di Malaysia kerana keizinan pasangan tidak menjadi soal jika mereka telah berkahwin. Walau bagaimanapun, seks devian diterima sebagai keganasan rumahtangga kerana ia mendatangkan kesan kecederaan secara fizikal kepada mangsa.

Pengabaian terhadap pasangan pula ialah apabila mana-mana pihak tidak menunaikan tanggungjawab dan hak seperti tidak memberi nafkah, tidak menjaga kebijakan seperti kesihatan dan keselamatan serta tidak bergaul dengan baik antara satu sama lain contohnya memukul dan menghina.

1.2.2 Penganiayaan kanak-kanak

Menurut Islam usia sebelum baligh dikira sebagai kanak-kanak. Kebiasaan umur baligh ialah lima belas tahun⁵⁰. Manakala dalam Seksyen 2 Akta Keganasan Rumahtangga 1996, kanak-kanak ialah seseorang yang berumur di bawah lapan

⁴⁹ Suzanne K. Steinmetz (1987), op.cit., h. 209.

⁵⁰ Mustafā al-Bughā, et.al. (1998), *al-Fiqh al-Manhajī 'ala Mazhab al-Imām al-Syāfi'i*. Damsyik: Dār al-Qalam, h. 337.

belas tahun. Maka, jika seorang mangsa penganiayaan berumur lapan belas tahun ke bawah, ia adalah penganiayaan kanak-kanak.

Gil mendefinisikan penganiayaan tehadap kanak-kanak sebagai:

“the intentional, non-accidental use of physical force, or intentional non-accidental acts of omission, on the part of a parent or other caretaker interacting with a child in his care, aimed at hurting, injuring or destroying that child.”⁵¹”

Maksudnya, penganiayaan terhadap kanak-kanak melibatkan beberapa ciri. Pertama, perbuatan yang dilakukan adalah sengaja, bukan kerana kemalangan. Kedua, bentuk perbuatan sama ada melakukan atau mengabaikan. Ketiga, orang yang terlibat ialah orang yang menjaga kanak-kanak berkenaan termasuk ibu bapa sendiri.

Di Amerika, kanak-kanak merangkumi anak-anak yang berusia 17 tahun ke bawah. Menurut perangkaan secara rambang di Amerika Syarikat pada tahun 1996, nisbah kanak-kanak yang didera dalam tempoh setahun ialah seorang daripada seratus orang⁵². Perkara yang sama berlaku di Malaysia di mana kes-kes penderaan kanak-kanak didapati meningkat setiap tahun⁵³.

⁵¹ D. Gil (1970), *Violence Against Children*. Harvard: Harvard University Press, h. 6.

⁵² S.D.Herzberger, (1996), op.cit., h. 8-9.

⁵³ “More People Now Keeping Tabs on Child Abusers” New Straits Times, 6 Mac 1992.

Kanak-kanak didera dari segi fizikal, mental, seksual dan pengabaian. Kebiasaannya penderaan fizikal mencatat bilangan tertinggi⁵⁴ dan ibu bapa adalah golongan yang paling banyak mendera anak-anak sendiri⁵⁵.

Penderaan fizikal terhadap kanak-kanak ialah apa-apa perbuatan yang mengakibatkan kecederaan fizikal secara sengaja (bukan kemalangan) oleh seseorang yang menjaga dan bertanggungjawab terhadap kanak-kanak berkenaan⁵⁶.

Antara perbuatan ganas yang biasa dilakukan terhadap kanak-kanak ialah dipukul sama ada dengan tangan atau benda-benda lain, dicucuh dengan benda-benda panas seperti puntung rokok, penggosok baju atau kayu api yang menyala, dihantuk kepala ke dinding, dilempar atau dihempas dan diketuk dengan benda keras. Manakala kecederaan fizikal yang lazim akibat perbuatan ganas ialah lebam, calar, luka, melecur, pendarahan dan patah. Sebagai contoh, lebam biasanya berlaku di lengan, dada, leher, kepala atau bahagian kemaluan.

Kecederaan mungkin boleh dilihat daripada bekas jari, penyangkut baju atau kesan jalur panjang akibat bekas talipinggang, rotan atau wayar. Pendarahan pula, terutamanya jika berlaku di kepala amat membahayakan. Ia mungkin berpunca daripada hantukan kuat kepala kepada benda-benda keras atau akibat

⁵⁴ S.D.Herzberger.,(1996), op.cit., h. 9 dan New Straits Times, Rabu, 4 Januari 1995.

⁵⁵ New Straits Times, 16 Mac 1992.

⁵⁶ Harvey Wallace (1996), op.cit., h. 29.

dilempar dan di hempas ke lantai. Di peringkat teruk, kanak-kanak akan muntah dan mungkin tidak sedarkan diri⁵⁷.

Penganiayaan seksual pula ialah bentuk perbuatan berkaitan seks dalam keadaan yang tidak wajar. Contohnya seorang lelaki yang tidak dikenali menyentuh organ seks seorang kanak-kanak tanpa sebab-sebab yang munasabah.

Wallace menyebutkan bahawa:

"Child sexual abuse is sexual exploitation or sexual activities a child under circumstances which indicate that the child's health or welfare is harmed or threatened."⁵⁸

Perkara yang ditekankan oleh Wallace ialah perbuatan dan kesannya. Perbuatan yang dimaksudkan ialah eksplorasi atau perbuatan seksual ke atas kanak-kanak dan mengakibatkan gangguan atau ancaman terhadap kebijakan dan kesihatan kanak-kanak terlibat.

Dr. Kasmini membuat kesimpulan bahawa penderaan seks terhadap kanak-kanak merujuk kepada seorang dewasa yang mengeksplorasi kanak-kanak untuk tujuan memenuhi nafsu seksnya. Ia boleh melibatkan persetubuhan, memegang tempat sulit dan menunjukkan kemaluan kepada kanak-kanak⁵⁹.

⁵⁷ Cynthia Crosson-Tower (1999), *Understanding Child Abuse and Neglect*, 4th ed. London: Allyn & Bacon, h. 98-99.

⁵⁸ op.cit., h. 58.

⁵⁹ Kasmini Kassim (1992), "Penderaan dan Pengabaian Kanak-Kanak" dalam *Caring Society, Emerging Issues and Future Directions*, Cho Kah Sin dan Ismail Muhd. Salleh. Kuala Lumpur. ISIS Malaysia, h. 102.

Walaupun Dr. Kasmini tidak menyebutkan akibat seperti yang dinyatakan oleh Wallace, ia dapat difahami secara tidak langsung. Ini bermakna, penderaan seksual kanak-kanak bukan sahaja melibatkan perbuatan rogol, tetapi termasuk apa juga perbuatan yang mempunyai unsur lucah.

Jika penderaan seksual dilakukan oleh orang yang mempunyai pertalian darah yang dekat dengan mangsa pula, ia dikenali sebagai sumbang mahram. Orang yang biasanya melakukan sumbang mahram ialah bapa, ibu, adik beradik, datuk atau bapa saudara. Mangsa pula terdiri daripada anak perempuan, anak lelaki, adik beradik, cucu atau anak saudara⁶⁰.

Pengabaian kanak-kanak pula bermaksud kegagalan untuk menyempurnakan penjagaan sebagaimana yang dituntut oleh kebiasaan persekitaran seperti makan minum, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan kebajikan-kebajikan lain⁶¹. Selain daripada itu, Wallace menyebutkan tentang pengabaian emosi (*emotional neglect*) yang bermaksud sesuatu perbuatan atau pengabaian perbuatan yang pada anggapan masyarakat dan pakar profesional sebagai menyebabkan kemusnahan secara psikologi terhadap kanak-kanak⁶².

Dalam kajian Dr Kasmini Kassim, faktor-faktor psikologi di pihak ibu bapa dan kanak-kanak itu sendiri menjadi penyebab kanak-kanak didera. Faktor ibu bapa ialah seperti pengalaman mereka pernah didera sewaktu kanak-kanak, meletakkan

⁶⁰ Cynthia Crosson-Tower (1999), op.cit., h. 119.

⁶¹ Harvey Wallace (1996), op.cit., h. 89.

⁶² Ibid.

harapan terlalu tinggi terhadap anak-anak. Contohnya, mengharapkan anak berusia dua tahun sentiasa bersih dan mendengar cakap dan wujudnya konsep peranan terbalik iaitu ibu bapa mengharapkan anak-anak memahami masalah mereka sementara anak-anak mengharapkan penjagaan emosi dan fizikal daripada ibu bapa⁶³.

Faktor di pihak kanak-kanak pula ialah masalah kurang ikatan antara ibu dan anak atas sebab-sebab semulajadi seperti lahir tidak cukup bulan dan terpaksa dipisahkan daripada jagaan ibu, pandangan ibu bapa terhadap anak kerana sesuatu kepercayaan, seperti ada kejadian tidak baik semasa dilahirkan, anak-anak yang mengingatkan ibu bapa kepada orang yang dibenci dan faktor kecacatan fizikal atau kurang upaya⁶⁴.

Di satu pihak lain pula, wujud perkara berlawanan iaitu keganasan terhadap ibu bapa. Namun ia jarang sekali berlaku, dan jika berlaku ia biasanya melibatkan ibu⁶⁵.

1.2.3 Penganiayaan orang tua

Orang tua menurut definisi ASEAN ialah mereka yang berusia 60 tahun keatas. Di Malaysia, mereka yang berumur lebih daripada 55 tahun dianggap telah

⁶³ Kasmini Kassim (1992), op.cit., h. 106-107.

⁶⁴ Ibid., h. 105-106.

⁶⁵ G.E.Dickinson dan M.R. Leming (1990), op.cit., h. 385.

tua kerana ia adalah tahap kebiasaan bersara⁶⁶. Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 1997 menunjukkan orang tua mewakili empat peratus jumlah penduduk Malaysia⁶⁷ dan dijangka meningkat melebihi tujuh peratus pada tahun 2003⁶⁸.

Biasanya, penganiayaan terhadap orang tua adalah dalam bentuk pengabaian dengan ditinggalkan di rumah-rumah kebajikan, diperlakukan seperti orang gaji dengan dibebankan kerja-kerja yang tidak sewajarnya, dilayan dengan kasar secara fizikal dan perkataan.

Cara perbuatan menganiaya orang tua dalam keluarga mungkin tidak sama antara sebuah masyarakat dengan masyarakat lain. Budaya sesuatu masyarakat juga mempengaruhi persepsi ahlinya untuk menilai sama ada sesuatu perbuatan terhadap golongan tua adalah penganiayaan.

Menurut Dickinson dan Leming, penganiayaan orang tua dalam keluarga adalah meliputi apa-apa perbuatan mengambil kesempatan terhadap diri orang tua berkenaan, atau harta atau emosi dengan mengancam melakukan keganasan, menggunakan kekerasan atau paksaan. Antara beberapa bentuk yang dikemukakan oleh Dickinson dan Leming ialah penderaan secara fizikal, penderaan secara lisan dan psikologi, menyalahgunakan harta dan mengabaikan keperluan asas dan

⁶⁶ Jelita, Julai 1995, h.76.

⁶⁷ Buku Maklumat Perangkaan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia 1997.

⁶⁸ Jelita, Julai 1995, h. 72.

menggunakan dada untuk lebih mudah menguruskan orang tua⁶⁹. Wallace⁷⁰ dan Eshleman⁷¹ juga memberikan maksud dan membuat perbincangan berkenaan perkara yang hampir sama mengenai bentuk-bentuk keganasan ke atas orang tua.

Di Amerika, rekod daripada kajian pada tahun 1996 menganggarkan terdapat satu setengah hingga dua juta kes penderaan orang tua setahun. Sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus daripada jumlah tersebut melibatkan ahli keluarga. Kajian juga menunjukkan bahawa lebih kurang dua daripada seratus orang tua pernah mengalami penderaan fizikal⁷².

Di Malaysia, penganiayaan orang tua tidak begitu mendapat publisiti media berbanding penganiayaan kanak-kanak dan penganiayaan isteri. Keadaan ini mungkin berkaitan dengan nilai budaya masyarakat negara ini yang menghormati orang tua. Kalaupun ada ia banyak dalam bentuk pengabaian di mana ramai orang tua yang tidak dipedulikan oleh keluarga diberi perlindungan di rumah-rumah kebajikan orang tua, contohnya seperti Rumah Seri Kenangan yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Masyarakat Malaysia kelihatan masih tebal dengan semangat kekeluargaan dan mengambil berat terhadap orang tua dengan mengadakan program-program tertentu seperti Minggu Warga Tua dan kempen Sayangi Warga Tua. Namun,

⁶⁹ G.E. Dickinson dan M.R. Leming.(1990), op.cit., h.389.

⁷⁰ Harvey Wallace (1996), op.cit., h. 221.

⁷¹ J.R. Eshleman (1991), *The Family: An Introduction*, 6th ed. Boston: Allyn & Bacon, h. 508-509.

⁷² Sharon D.Herzberger (1996), op.cit., h. 14.

mereka telah mula sedar kewujudan gejala penganiayaan golongan tua walaupun pendedahan di media umum agak kurang. Hal ini mungkin kerana orang tua itu sendiri tidak mahu atau tidak berani untuk tampil ke depan. Tambahan pula kebanyakan golongan tua agak terasing dan kurang terdedah dengan masyarakat sekeliling. Kalaupun golongan tua itu sendiri sedar mereka teraniaya, mereka tidak berani untuk membuat aduan kepada orang luar atau pihak berkenaan kerana tidak mahu dihantar ke rumah kebajikan atau malu dengan masyarakat⁷³.

1.2.4 Penganiayaan adik beradik

Keganasan adik beradik bermaksud perbuatan dera yang berlaku di kalangan adik beradik, contohnya keganasan fizikal hingga menyebabkan cedera parah dan kematian. Jenis keganasan ini kurang diberi perhatian kerana dianggap sebagai perkara biasa dalam pertumbuhan kanak-kanak⁷⁴.

Jenis keganasan yang kerap berlaku sesama adik-beradik ialah secara fizikal dan emosi⁷⁵. Contohya membaling sesuatu, menolak dan memukul yang melibatkan fizikal. Keadaan akan lebih serius jika ibu bapa campurtangan seperti melindungi anak yang lebih kecil dan memarahi anak yang lebih besar ketika berlaku pertengkaran⁷⁶.

⁷³ Ibid., m.s. 15, juga: Katheryn D.Katz (1996), op.cit., h. 100-104.

⁷⁴ Sharon D. Herzberger (1996), op.cit., h. 12-13.

⁷⁵ J.R. Eshleman (1991), op.cit., h. 507-508.

⁷⁶ Ibid.

Selain keganasan fizikal, terdapat juga bentuk keganasan seksual yang dilaporkan berlaku di kalangan adik beradik⁷⁷.

Namun, bentuk keganasan adik beradik ini sukar dibezakan terutamanya jika melibatkan kanak-kanak yang belum dapat membezakan baik buruk perbuatannya sendiri. Misalnya seorang kanak-kanak berusia lima tahun menolak adiknya yang berusia tiga tahun hingga menyebabkan kecederaan fizikal. Dalam hal ini, walaupun perbuatan ganas itu ada, tetapi sebab dan akibat tidak ambil kira.

Bentuk keganasan ini kurang popular. Mungkin bentuk keganasan ini hanya sebagai membezakan dan membahagikan keseluruhan bentuk-bentuk keganasan yang mengikut kategori tertentu.

1.3 Sejarah Keganasan Rumahtangga

Keganasan, termasuk juga keganasan rumahtangga bukan fenomena baru. Ia telah bermula seawal zaman manusia pertama iaitu Adam a.s. lagi dan terus wujud dalam masyarakat manusia hingga ke hari ini dalam berbagai-bagai bentuk.

Keganasan dalam rumahtangga yang pertama kali telah dilihat dalam sejarah manusia seperti yang berlaku antara Qabil dan Habil. Al-Quran⁷⁸ dalam surah al-Ma'idad ayat 27-31 menyatakan bahawa Qabil telah membunuh

⁷⁷ Cynthia C. Tower (1999), op.cit., h.149.

⁷⁸ Rujuk al-Quran Surah al-Maidah (4):27-31

saudaranya sendiri kerana rasa marah dan dendam setelah korbannya tidak diterima.⁷⁹ Kejadian ini merupakan contoh sejarah keganasan di kalangan manusia dan kali pertama ia terjadi pun sudah melibatkan mereka yang mempunyai pertalian kekeluargaan yang rapat iaitu adik beradik.

Orang-orang Kristian juga percaya Qabil membunuh Habil akibat marah kerana Tuhan tidak menerima korbannya⁸⁰. Dalam sejarah Rom diceritakan bahawa Romulus membunuh kembarnya Remus setelah kekuatan dan kekuasaannya dipersendakan⁸¹.

Dalam lagenda Oedipus Greek pula, anak-anak membunuh ibu bapa, memakan daging manusia dan berberbagai-bagai jenis kekejaman berlaku di kalangan masyarakat termasuklah dalam sesebuah keluarga⁸².

Semua kejadian ini jelas menunjukkan bahawa keganasan rumahtangga bukanlah perkara baru dan tidak terhad kepada satu kelompok dan tempat sahaja. Manakala keganasan yang mereka lakukan berbentuk penyiksaan dan pembunuhan.

Dalam konteks keganasan terhadap wanita khususnya, ia juga mempunyai kaitan dengan sejarah dan kepercayaan tertentu terutamanya pada zaman dahulu. Kepercayaan bahawa perempuan merupakan punca segala kejahatan telah sedikit

⁷⁹ Ibnu Kathir (t.t.), *Qisāṣ al-Anbiyā'*, Beirut: Dār al-Qalam, h. 47-48. Juga: Hamka , *Tafsīr al-Azhar* , j. 6 , Jakarta: Yayasan Nurul Yakin, h. 252-256.

⁸⁰ The Bible: Genesis, Chapter 4.

⁸¹ Livy (t.t.), *The Early History of Rome* (terj. A . de Selincourt). Harmondsworth: Penguin, h. 40.

⁸² Robert Graves (1960), *Greek Myths*. Harmondsworth: Penguin (revised), h. 105.

sebanyak mendorong perlakuan sesuka hati kepada kaum wanita. Malah masyarakat Greek dahulu juga percaya bahawa perempuan adalah jelmaan syaitan⁸³.

Pengaruh kepercayaan ini tersebar luas pada kurun ke 11M hingga kurun ke 14M. Sebaliknya pula, lelaki atau suami begitu diagungkan sebagai mempunyai kuasa total dalam keluarga. Manakala isteri mesti patuh dan tidak mempunyai hak untuk bersuara⁸⁴.

Berdasarkan catatan sejarah juga, selain wanita, kanak-kanak juga sentiasa menjadi mangsa penindasan dan keganasan. Peraturan kerajaan Hammurabi pada 2100 SM memberikan hak kepada bapa membunuh anak-anak. Masyarakat Arab jahiliyyah memandang hina terhadap anak perempuan hingga sanggup menanam mereka hidup-hidup⁸⁵. Di Amerika dalam tahun-tahun 1860an kanak-kanak dipaksa bekerja dan dicederakan untuk tujuan mengemis bagi kepentingan golongan tertentu⁸⁶.

Daripada catatan sejarah mengenai keganasan, dapat diperhatikan bahawa unsur-unsur agama, adat, kedudukan status dan tekanan ekonomi merupakan perkara yang mempengaruhi sesuatu perlakuan ganas.

⁸³ Mark Hutter (1981), h. 405-406.

⁸⁴ Ibid.

⁸⁵ rujuk al-Quran Surah al-Nahl 16: 58-59. Juga: Hamka, op.cit., j.14, h. 254-255.
26 Michael David Allan Freeman (1979), op.cit., h. 5.

Sejarah keganasan rumahtangga juga mencatatkan banyak keganasan melibatkan wanita dan kanak-kanak sebagai mangsa. Hal ini berlaku kerana keadaan fizikal mereka yang biasanya lebih lemah. Namun, pada akhir abad ke 20 ini, fenomena sebaliknya telah berlaku di mana selain wanita dan kanak-kanak, lelaki atau suami juga menjadi mangsa keganasan rumahtangga⁸⁷.

Keadaan ini mungkin kerana di bandar terutamanya, ramai wanita bekerja, mempunyai pendapatan sendiri dan tidak terlalu bergantung kepada suami dari segi ekonomi. Mereka berani bertindak apa sahaja termasuk melakukan keganasan kerana mereka merasakan tidak takut menghadapi sebarang kemungkinan jika berlaku perceraian.

Kenyataan tadi adalah berdasarkan ulasan Yaacob Harun dalam kajiannya terhadap peranan isteri bekerja di bandar yang mensifatkan “mereka cuba seboleh mungkin untuk mengelak daripada terlalu bergantung kepada suami”⁸⁸.

Walaupun keganasan keluarga telah wujud sejak lama, namun kajian tentangnya secara menonjol baru bermula pada awal 1970an apabila masyarakat mula disedarkan dengan salah satu bentuk keganasan rumahtangga iaitu penderaan terhadap kanak-kanak. Ini berdasarkan penelitian yang dibuat oleh O'Brien yang

⁸⁷ "Kisah Isteri Muda Dera Suami Tua", Utusan Malaysia, Isnin, 1Jun 1998.

⁸⁸ Yaacob Harun (1991), *Keluarga Melayu Bandar-Satu Analisis Perubahan*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 99.

mendapati tidak pernah ada perkataan keganasan disebutkan dalam *Journal of Marriage and The Family* sebelum tahun 1971(1939-1970)⁸⁹.

Di Malaysia, masalah keganasan rumah tangga khasnya mula dibincangkan pada awal 1980an dan semakin aktif menjelang 198990 hingga tergubalnya Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

1.4 Faktor-Faktor Keganasan Rumah Tangga

Antara faktor-faktor penyebab keganasan rumah tangga ialah seperti berikut:

1.4.1 Lingkaran Ganas

Menurut Khadijah Alavi⁹¹ keganasan rumah tangga mempunyai kaitan dengan faktor lingkaran ganas. Beliau memberi contoh, kanak-kanak perempuan yang membesar dalam keluarga bermasalah di mana berlaku penderaan terhadap dirinya atau melihat ibunya didera. Mereka mungkin mlarikan diri dari rumah, mencari orang lain yang mengambil berat tentang mereka, seperti teman lelaki.

⁸⁹ Steinmetz, Suzanne K. (1987), "Family Violence: Past, Present and Future" dalam *Handbook of Marriage and Family*, Steinmetz dan Sussman (ed.). New York: Plenum Press, h. 725.

⁹⁰ Azalina Othman Said (1998), "Wanita dan Keganasan Rumah Tangga", Kertas kerja Seminar Wanita dan Perundangan Syarie di Universiti Malaya Kuala Lumpur, 26 Julai 1998.

⁹¹ Khadijah Alavi, "Keganasan rumah tangga: salah siapa?" dalam *Dewan Masyarakat*, Julai 1994.

Dalam keadaan tidak bernalasib baik, mereka tertipu sehingga menggadai maruah diri. Ada yang melahirkan anak, tetapi membuangnya dan ada yang membela bayi mereka. Lingkaran ganas kembali wujud apabila mereka mendapat teman lelaki baru atau berkahwin. Kanak-kanak berkenaan pula terdedah kepada penderaan atau pengabaian oleh bapa tiri, ibu tiri atau teman lelaki ibu. Perkara sama yang telah terjadi pada satu generasi mungkin akan berulang pada generasi berikutnya.

Teori ini turut diakui oleh Dr.Rahmah Hashim⁹² sama ada terhadap anak lelaki atau perempuan. Bagi anak lelaki, mereka merasakan perbuatan ganas terhadap pasangan atau anak adalah hak mereka dan bukan suatu kesalahan.

Manakala bagi anak perempuan mereka akan membesar dalam ketakutan dan berkemungkinan akan menjadi seorang yang pasif jika menjadi mangsa keganasan kerana merasakan ia suatu kebiasaan walaupun menanggung penderitaan. Faktor ini juga dipersetujui oleh Dr. Abu Hassan Asaari Abdullah⁹³ sebagai perkara yang boleh mempengaruhi sikap seseorang.

Kanak-kanak yang membesar dalam keluarga porak peranda, secara psikologi didapati terpengaruh dengan perlakuan ganas yang pernah dialami atau dilihat sewaktu zaman kanak-kanak. Apabila dewasa, sejarah silam akan

⁹² Temubual dengan Prof. Madya Dr.Rahmah Hashim, Jabatan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 6 April 1999.

⁹³ Pegawai Perubatan, Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Kuala Lumpur – temubual pada 29 Disember 1999.

mendorong mereka mengulang kembali tingkahlaku ganas yang pernah dilihat, malah menganggapnya sebagai perkara biasa dan bukan perbuatan salah⁹⁴.

Buktinya, laporan tahunan WAO 1997 mendapati faktor sejarah keganasan dalam keluarga adalah faktor penyumbang paling banyak iaitu 59.6%. Ini merupakan jumlah yang banyak kerana melibatkan lebih dari separuh kes⁹⁵.

1.4.2 Kurang Memahami Agama

Kajian yang dibuat oleh Dr. Amran Kasimin mendapati bahawa punca utama seseorang terlibat dalam kesalahan jenayah syariah ialah kerana tidak mempunyai didikan agama yang sempurna⁹⁶.

Akibat kurang pengetahuan agama, ada isteri yang merasakan Islam meletakkan suami sebagai suci tanpa syarat. Terdapat isteri yang merasa berdosa tidak melayan suami, merasa derhaka kalau menentang suami kerana takut mengakibatkan mereka tidak boleh mencium bau syurga, walaupun pada keadaan yang sebenarnya membenarkan mereka bersuara contohnya jika disuruh melakukan sesuatu yang bertentangan dengan syariat Islam misalnya berdiam diri terhadap suami yang berkelakuan sumbang dengan perempuan lain di depan mata.

⁹⁴ Mohd. Hamdan Haji Adnan (1987), "Peranan Keluarga dan Masyarakat Dalam Mencegah Keganasan Terhadap Wanita", kertas kerja Persidangan Kebangsaan Mengenai Isu-Isu Keganasan Terhadap Wanita: Pencegahan dan Pendidikan di BAHEIS, Kuala Lumpur, Disember 1987. Juga: Suzanne K. Steinmetz (1997), *The Cycle of Violence: Assertive, Aggressive and Abusive Family Interaction*. New York: Praeger Publishers, h. 105.

⁹⁵ Laporan Tahunan Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) 1997, h.16.

⁹⁶ Amran Kasimin (1993), *Masalah Sosial dan Hubungannya dengan Didikan Agama*. Kuala Lumpur: Dinie Publishers, h. 128.

Keadaan yang turut menyumbang ketegangan bila mana suami menggunakan berbagai-bagai istilah untuk menggertak isteri yang kurang pengetahuan agama tadi, seperti nusyuz, derhaka dan gantung tidak bertali walaupun sebenarnya istilah tersebut tiada kaitan langsung dengan mereka⁹⁷. Misalnya seorang suami yang selalu memukul isterinya memberi amaran supaya perbuatannya itu tidak diceritakan kepada sesiapa dan isteri akan dianggap derhaka atau digantung tidak bertali jika engkar. Terdapat isteri yang patuh dengan arahan sebegini kerana tidak mahu derhaka atau digantung tidak bertali.

Kaji selidik yang dilakukan oleh *Survey Research Malaysia* (SRM) pada 1995 mendapati 15% rakyat Malaysia percaya dan mengakui keganasan fizikal terhadap wanita adalah “perkara biasa” dan boleh diterima⁹⁸.

Penemuan ini menunjukkan masih ada segelintir masyarakat yang beranggapan kaganasan rumah tangga bukan merupakan satu kesalahan dan perbuatan menganiayai isteri tidak salah. Misalnya suami memberi alasan memukul isteri kerana mahu mengajar isterinya yang tidak pandai. Malah ada isteri yang bersetuju dengan tindakan suami memukulnya kerana berpendapat dia memang membuat kesalahan.

⁹⁷ Khadijah Alavi (1994), op.cit.

⁹⁸ Rashidah Abdullah, et.al. (1995), *Battered Women In Malaysia-Prevalence, Problems and Public Attitudes*. Petaling Jaya: Women's Aid Organisation, h. 12.

1.4.3 Tahap Pendidikan

Jurang tahap pendidikan yang berbeza terlalu jauh juga boleh menjadi faktor pendorong keganasan rumah tangga. Gelles⁹⁹ mendapati ada suami yang berpendidikan rendah cenderung melakukan keganasan terhadap isteri terutama isteri yang berpendidikan lebih tinggi daripada mereka. Dalam keadaan ini suami akan cuba menguasai dan mengatasi isteri dengan menunjukkan mereka sebenarnya lebih ‘kuat’.

Namun, faktor ini tidak bersifat mutlak kerana terdapat banyak bukti kejadian keganasan rumah tangga turut melibatkan golongan yang sama-sama berpendidikan tinggi dan dihormati masyarakat di luar¹⁰⁰. Begitu juga, penderaan kanak-kanak terdapat di kalangan golongan kelas bawahan yang berpendidikan rendah¹⁰¹. Sama juga halnya jika kurang pendidikan keibubapaan juga merupakan punca penderaan kanak-kanak¹⁰².

1.4.4 Kehamilan

Kehamilan juga didapati menjadi pendorong keganasan rumah tangga. Strauss dan Gelles mendapati peratus keganasan terhadap wanita hamil adalah

⁹⁹ R.Gelles (1974), *The Violent Home*. London: Sage Publications, h. 123.

¹⁰⁰ Temubual dengan Dr. Rahmah Hashim, op.cit.

¹⁰¹ Marshall B. Clinard dan Robert F. Meier (1992), *Sociology of Deviant Behavior*, 8th ed. New York: Harcourt Brace Jovanovich College Publishers, h. 141.

¹⁰² Richard J. Gelles (1985), “Family Violence” *Annual Review of Sociology*, 11: 347-367.

tinggi¹⁰³. Terdapat beberapa andaian kenapa ia berlaku. Antaranya ialah rasa cemburu dengan orang baru yang belum lahir dan memikirkan anak yang bakal lahir sebagai beban¹⁰⁴.

1.4.5 Penyalahgunaan Alkohol dan Dadah

Alkohol dan dadah juga dikenalpasti sebagai antara penyebab yang menyumbang kepada keganasan rumah tangga. Menurut kajian SRM, terdapat persepsi yang sama daripada pelbagai pihak dalam masyarakat, seperti masyarakat umum, wanita teraniaya sendiri, pihak polis dan pihak hospital, bahawa penyalahgunaan dadah dan alkohol adalah punca keganasan rumah tangga.. Malah ia dianggap punca utama oleh pihak polis dan hospital serta orang ramai di kalangan bangsa Cina dan India¹⁰⁵.

Penyalahgunaan dadah dan arak juga didapati berlaku di kalangan ibubapa yang mendera kanak-kanak, tetapi pada kadar yang kurang berbanding yang berlaku terhadap pasangan¹⁰⁶.

¹⁰³ R.J.Gelles (1990), "Violence and Pregnancy: Are Pregnant Women at Greater Risk of Abuse?" dalam *Physical Violence in American Families*. New Jersey: Transaction Publishers, h. 282.

¹⁰⁴ R.J.Gelles (1995), *Contemporary Families: A Social View*.London: Sage Publications, h. 51.

¹⁰⁵ Rashidah Abdullah et.al. (1995), op.cit., h. 13-14.

¹⁰⁶ Harvey Wallace (1996) op.cit., h. 8.

1.4.6 Sifat Pendera

Clinnard dan Meier berpendapat bahawa ibu bapa yang mendera biasanya terasing secara sosialnya daripada masyarakat umum yang sepatutnya menjadi *support group* kepada ibu bapa berkenaan. Ketidaaan kawan rapat, tersisih daripada keluarga asal dan jiran menjadikan ibu bapa terpaksa mengendalikan keluarga, ekonomi dan tekanan sosial yang dialami secara bersendirian¹⁰⁷.

Clinnard dan Meier juga mencadangkan diwujudkan kumpulan sokongan (*support group*) dalam masyarakat bagi membantu ibu bapa bermasalah. Misalnya *interpersonal support* boleh didapati daripada ibubapa yang mengalami atau pernah mengalami situasi yang sama. Berbincang dan meluahkan perasaan sesama mereka boleh meredakan tekanan¹⁰⁸.

Tower¹⁰⁹ turut bersetuju bahawa kurang sokongan dan komunikasi dengan jiran boleh mengakibatkan ibu bapa mendera anak-anak mereka, terutamanya melakukan pengabaian. Tetapi Tower menamakan faktor ini sebagai faktor ekologi¹¹⁰ kerana ia berkait dengan persekitaran.

¹⁰⁷ Marshall B. Clinard dan Robert F. Meier (1992), op.cit. h. 141-142.

¹⁰⁸ Ibid.

¹⁰⁹ Cynthia C. Tower (1999), op.cit, h. 63.

¹¹⁰ Ibid.

1.4.7 Pengaruh Media

Dalam kajian yang dilakukan di Amerika pengaruh media terutamanya television turut menyumbang kepada perlakuan ganas. Terdapat satu keganasan dalam setiap tiga minit setengah, dalam program kanak-kanak setiap pagi Sabtu¹¹¹.

Kanak-kanak terutamanya, mudah terpengaruh dengan apa yang mereka lihat dan cepat meniru perbuatan yang selalu mereka tonton. Ini mempengaruhi mereka. Ini mempegaruhi mereka untuk melakukan perbuatan yang sama terhadap orang lain dan biasanya yang paling dekat dengan mereka ialah adik beradik sendiri. Misalnya kanak-kanak suka meniru aksi gusti yang mereka lihat di television.

1.4.8 Sebab Kemasyarakatan

Faktor ini dikemukakan oleh Tower dalam kajiannya khusus mengenai keganasan dan pengabaian kanak-kanak. Dalam masyarakat tertentu, wujud sistem kebijakan di mana nilai dan institusinya disifatkan oleh Tower sebagai menggalakkan suasana pengabaian dan terdapat sistem kebijakan yang terlalu mudah¹¹².

¹¹¹ Del Martin (1976), *Battered Wives*. San Francisco: Glide Publications, h. 9.

¹¹² Cynthia C. Tower (1999), op.cit., h. 64.

Di sesebuah negara Barat seperti England, terdapat institusi yang memberikan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak secara percuma jika seseorang ibu mendakwa kekurangan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di tempatnya menghalang ibu berkenaan daripada bekerja¹¹³. Bagi Tower, wujudnya penjagaan kanak-kanak secara percuma ini memberi ruang kepada ibu lebih mengutamakan pekerjaan daripada menumpukan perhatian kepada anaknya. Dalam keadaan begini, anak berkemungkinan besar akan terabai.

Perbincangan tadi adalah faktor-faktor yang biasa didapati dalam kajian-kajian yang dibuat berkenaan sebab dan punca keganasan rumahtangga.

1.5 Kesan Keganasan Rumahtangga

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa keganasan rumahtangga meninggalkan kesan terhadap pihak-pihak yang terlibat secara langsung seperti mangsa dan pelaku atau tidak langsung seperti ahli keluarga lain dan masyarakat.

Ianya dapat dilihat dari beberapa sudut berdasarkan pihak yang terlibat secara langsung atau tidak secara langsung.

¹¹³ Ibid.

1.5.1 Kesan terhadap mangsa

Pada kebiasaannya mangsalah yang menanggung kesan yang paling teruk akibat ke ganasan yang dialaminya. Bentuk penanggungan ialah sama ada dari segi emosi, fizikal, kehilangan hartabenda, harga diri pada pandangan masyarakat dan sebagainya. Misalnya, seorang kanak-kanak yang didera secara fizikal merasai kesakitan fizikal seperti patah tulang, lebam dan melecur.

Kesan yang mendalam akan dirasai oleh mangsa ke ganasan terutamanya kanak-kanak. Kajian¹¹⁴ yang dibuat menunjukkan kanak-kanak berkenaan akan menjadi seorang yang ganas apabila dewasa kelak. Contohnya menjadi seorang penjenayah yang kejam.

Untuk jangka masa panjang, kanak-kanak berkenaan juga turut menanggung kesan gangguan emosi dan tekanan perasaan yang mungkin mempunyai pengaruh dalam perkembangan minda dan masa hadapannya. Kanak-kanak berkenaan mungkin membenci orang yang menganiayanya atau mungkin menjadi seorang yang ganas terhadap orang-orang yang berada di sekelilingnya.

Masalah sosial kanak-kanak seperti kenakalan kanak-kanak, dadah dan judi ada kena mengenanya dengan perjalanan dan fungsi kelompok yang kucar kacir, kesan ke ganasan dalam sebuah keluarga¹¹⁵. Kanak-kanak terabai banyak

¹¹⁴ Mohd. Hamdan Haji Adnan (1987), op.cit. Juga: Suzanne K. Steinmetz (1997) , op.cit.

¹¹⁵ Wan Azmi Ramli (1978), *Masyarakat: Satu Kajian Ilmiah Dalam Konteks Kebajikan Am.*

menunjukkan gejala anti-sosial, lazim digelar sebagai agresif, zalim, keras hati dan gemar berbohong¹¹⁶.

Di dalam kajiannya, Cynthia Tower¹¹⁷ membahagikan kesan terhadap kanak-kanak yang dianiaya secara seksual kepada dua peringkat. Pertama, kesan semasa kecil dan kedua, kesan jangka panjang, iaitu apabila kanak-kanak berkenaan dewasa.

Kesan semasa kecil ialah tekanan perasaan, rasa berdosa, rendah diri, sentiasa dalam ketakutan, sentiasa digangu mimpi ngeri, kencing malam, enggan bersekolah, kehamilan remaja dan percubaan membunuh diri¹¹⁸.

Manakala kesan apabila dewasa pula ialah cenderung menjadi penagih dadah dan alkohol, merasa hilang maruah, bersikap negatif dan mengalami masalah jiwa serta boleh menjadi orang yang suka kepada kemusnahan¹¹⁹.

Bagi wanita pula, mereka yang mengalami keganasan fizikal atau emosi biasanya menderita *hypertension* atau tekanan yang memerlukan rawatan¹²⁰.

Kuala Lumpur: Utusan Publications, h. 57.

¹¹⁶ Ibid., h. 58.

¹¹⁷ Cynthia C. Tower, (1999), op.cit., h. 20.

¹¹⁸ ibid.

¹¹⁹ ibid.

¹²⁰ "Kajian Menunjukkan Ramai Surirumah Diganasi", Mingguan Wanita, 11-18 Okt 1996, h.14-15.

Namun terdapat wanita yang sanggup bertahan lama didera atas sebab-sebab ekonomi, budaya dan sosial¹²¹.

1.5.2 Kesan terhadap pelaku

Orang yang melakukan keganasan rumah tangga juga mendapat kesan daripada perbuatannya. Pelaku berkemungkinan mendapat kesan fizikal seperti luka atau cular jika mangsa bertindak agresif semasa pergelutan atau mempertahankan diri. Walaupun dia merasa puas dengan perbuatannya, dia selalunya dipandang serong oleh masyarakat.

Dia juga mungkin hilang pekerjaan apabila diambil tindakan oleh mahkamah. Dari segi emosi pula pelaku akan rasa menyesal dengan apa yang telah dilakukannya dan mengalami tekanan perasaan akibat daripada perbuatannya.

1.5.3 Kesan terhadap keluarga mangsa dan pelaku

Tidak terhad kepada mangsa dan pelaku, kesan keganasan rumah tangga juga boleh dilihat terhadap keluarga dan orang yang rapat dengan kedua-dua belah pihak. Walaupun tiada kesan secara fizikal, ia melibatkan tindakbalas emosi yang mempengaruhi tingkah laku dalam hubungan kekeluargaan. Misalnya, sebuah keluarga akan menjadi berpecah belah, saling membenci dan kemungkinan ada

¹²¹ Richard J.Gelles (1995), op.cit., h. 471.

pihak dalam keluarga yang terpaksa menanggung beban anak-anak atau isteri yang ditinggalkan.

1.5.4 Kesan terhadap masyarakat

Sebuah masyarakat menjadi tidak stabil dan institusi keluarga kelihatan pincang jika perbuatan keganasan rumah tangga berlaku berterusan. Ia juga boleh menggambarkan sistem pendidikan yang tidak mencapai tahap keberkesanan yang maksimum dan tiada penghayatan agama dan akhlak di kalangan masyarakat.

Kesimpulan

Secara amnya, definisi keganasan rumah tangga ialah sebarang perbuatan atau pengabaian yang sengaja dilakukan oleh seorang ahli keluarga, dan mendatangkan kesan mudarat terhadap fizikal, emosi, seksual atau harta benda seorang yang lain dalam sebuah keluarga atau rumah tangga.

Faktor-faktor yang mendorong tercetusnya keganasan rumah tangga pula sebahagian besarnya datang daripada pelaku sendiri. Ia banyak berkait rapat dengan personaliti individu dan pengaruh persekitaran terhadapnya. Contohnya sikap panas baran atau pernah menjadi mangsa dera.

Manakala kesan keganasan rumah tangga bukan sahaja menjelaskan mangsa dan pelaku, tetapi turut dirasai oleh keluarga. Bertambah malang lagi, kesan

tersebut bukan sahaja berlaku dalam satu generasi keluarga, malahan terhadap generasi seterusnya dalam keluarga berkenaan (*intergenerational repercussion*).